

Faktor-faktor Pengaruh Penyebaran Pluralisme Agama di Malaysia

BITARA

Volume 2, Issue 1, 2019: 099-108
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Factors Influencing the Spreading of Religious Pluralism in Malaysia]

Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh & Nur Farhana Abdul Rahman¹

Abstrak

Konsep pluralisme agama mula dikenali apabila polemik mengenainya muncul dalam masyarakat Malaysia. Polemik ini menyebabkan masyarakat terbahagi kepada tiga golongan dalam menerima konsep pluralisme agama iaitu yang menerima, menolak dan cuba mengharmonikannya. Sejarah perkembangan pluralisme agama bermula apabila konsep liberalisme diterima dalam kalangan sarjana. Perkembangan perkara ini mempunyai faktor-faktor yang mempengaruhi kemunculannya. Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor pengaruh penyebaran pluralisme agama di Malaysia. Pendekatan kualitatif digunakan dalam menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan dengan faktor-faktor penyebaran ini. Hasil kajian mendapati bahawa faktor-faktor penyebaran pluralisme agama di Malaysia mempunyai pengaruh dari gerakan liberalisme di Indonesia. Faktor-faktor penyebaran ini penting untuk mengetahui sejarah perkembangan pluralisme agama di Malaysia.

Kata Kunci

Faktor, penyebaran, liberalisme, pluralisme agama

Abstract

The idea of religious pluralism became popular when polemics appeared in Malaysian society. This polemic has led the society to be split into three classes by embracing the idea of religious pluralism, which embraces, opposes and tries to harmonize it. The history of the development of religious pluralism began when the idea of liberalism was embraced by intellectuals. The evolution of these factors has factors that influence their appearance. The purpose of this paper is to examine the factors that affect the spread of religious pluralism in Malaysia. Qualitative methods were used in the study of documents relevant to these dissemination variables. The results of the study showed that factors in the spread of religious pluralism in Malaysia have been affected by the liberalism movement in Indonesia. These factors play a role in understanding the history of the development of religious pluralism in Malaysia.

Keywords

Factors, dissemination, liberalism, religious pluralism

Cite This Article:

Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh & Nur Farhana Abdul Rahman. 2019. Faktor-faktor pengaruh penyebaran pluralisme agama di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 099-108.

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Nur Farhana Abdul Rahman, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: nfarhana@ukm.edu.my

Pengenalan

Pluralisme agama berkembang apabila unsur-unsur liberalisme meresap masuk ke dalam pemikiran masyarakat Islam di Malaysia. Liberalisme di Malaysia mempunyai pengaruh dari liberalisme di Indonesia, namun gerakan liberalisme di Malaysia tidaklah seberani liberalisme Indonesia yang secara terangan-terangan menggunakan perkataan liberal di pertubuhan-pertubuhan mereka seperti Jaringan Islam Liberal (JIL). Gerakan liberalisme di Malaysia berpaksikan kepada perjuangan hak asasi manusia, hak wanita dan juga pertubuhan-pertubuhan yang mendasari dialog antara agama seperti Malaysian Consultative Council of Budhism, Christianity, Hinduism and Sikhs (MCCBCHS), Sisters in Islam (SIS), Institut Kajian Dasar (IKD) dan lain-lain (Muhammad Rashidi Wahab 2017).

Pertubuhan-pertubuhan ini turut menyumbang kepada perkembangan pluralisme agama di Malaysia. Sebagai contoh, MCCBCHS dan SIS telah menyokong perancangan penubuhan InterFaith Commision (IFC) dan Artikel 11. Manakala IKD pula telah menyokong gerakan Islam liberal dan pluralisme agama melalui penganjuran program-program yang dianjurkan oleh mereka (Earnie Elmie et.al 2018).

Pada tahun 2006 fatwa telah dikeluarkan mengenai liberalisme dan pada 2014 kerajaan negeri Selangor telah mewartakan fatwa tentang liberalisme dan pluralisme. Dalam perwartaan ini juga SIS Forum (Malaysia) telah difatwakan sesat kerana berpegang dengan ajaran liberalisme dan pluralisme. Perkara ini tidak memuaskan hati pihak SIS, mereka telah membuat permohonan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi untuk mencabar keputusan tersebut. Walau bagaimanapun, permohonan semakan mereka ditolak kerana Mahkamah Sivil tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan berkenaan isu fatwa dan ianya tertakluk di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Ini selaras dengan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa berhubung apa-apa perkara yang tertakluk di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah (Anon 2015). Pada 25 September 2018, Mahkamah Persekutuan diketuai Ketua Hakim Negara Tan Sri Richard Malanjum memerintahkan permohonan semakan kehakiman dikembalikan ke mahkamah Tinggi untuk pendengaran merit kes termasuk persoalan membabitkan bidang kuasa Mahkamah Tinggi (Azizan Baharuddin 2018:9).

Selain daripada SIS, Chandra Muzaffar (2014) juga tidak bersetuju dengan fatwa kerajaan negeri Selangor yang memfatwakan kumpulan SIS sebagai sesat. Menurut beliau, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sepatutnya mengadakan dialog untuk berbincang, bukannya melabelkan SIS dengan sesat dan menyekat penulisan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh SIS.

Pada Mac 2010, Malaysia dihangatkan kembali dengan isu pluralisme agama apabila Dato' Sri Anwar Ibrahim telah menyampaikan ceramahnya yang dibentangkan di London School of Economics yang bertajuk 'Religion Pluralism in a divided world'. Ceramah beliau ini telah menggemparkan masyarakat Malaysia kerana melalui ceramahnya, beliau didakwa telah mendokong fahaman pluralisme agama. Ramai cendekiawan dan ahli politik telah memberi respon terhadap ucapan beliau antaranya ialah Muhammad Uthman el-Muhammady, Ismail Mina Ahmad dan Mohd Nakhaie Ahmad.

Hasil daripada polemik isu-isu pluralisme agama yang berlaku dalam masyarakat Malaysia, perlunya untuk mengkaji faktor-faktor pengaruh penyebarannya. Faktor-faktor ini penting kerana ianya mempengaruhi sejarah perkembangan pluralisme agama di Malaysia.

Definisi Pluralisme Agama menurut sarjana Malaysia

Definisi pluralisme agama menurut sarjana di Malaysia berbeza mengikut penerimaan dan penolakan konsep pluralisme agama. Bagi yang menerima konsep pluralisme agama, mereka mendefinisikan pluralisme agama dengan maksud kepelbagaian agama atau pluraliti agama, dialog antara agama dan toleransi agama. Manakala bagi mereka yang menolak, mereka mendefinisikan pluralisme agama dengan menerima kebenaran agama lain (semua agama).

Tokoh-tokoh yang menerima konsep pluralisme agama menerima definisinya dalam maksud kepelbagaian agama (Chandra Muzaffar 2006 dan Mohamed Fauzi Yaacob 2011), erti kepelbagaian agama dan menolak fahaman menyamaratakan semua agama (Muhammad Uthman El-Muhammady 2012), Mohd Farid Mohd Sharif 2012, Mujahid Yusof Rawa 2014, Mohd. Asri Zainul Abidin 2014, Mohd Farid Mohd Shahran 2014 dan Siddiq Fadzil 2016), dialog antara agama (Osman Bakar 2009 dan Rahimin Affandi Abd. Rahim et al. 2011) dan satu fahaman bahawa semua agama mempunyai kebenaran yang sama dan menuju kepada Realiti yang sama iaitu Tuhan (Anwar Ibrahim 2010 dan Mohammad Hashim Kamali 2011).

Bagi golongan yang menolak konsep pluralisme agama, mereka menolak definisi konsep pluralisme agama dalam maksud toleransi agama (Anis Malik Thoha 2014; Khalif Muammar 2015), dialog antara agama (Wan Adli Wan Ramli (2012) dan kepelbagaian agama (Khalif Muammar 2015). Bagi sarjana-sarjana ini, mereka menolak pluralisme agama berdasarkan kepada pemahaman bahawa ianya merupakan satu kefahaman yang memandang semua agama adalah sama dan menuju kepada Tuhan yang sama.

Sejarah Ringkas Pluralisme Agama di Malaysia

Pluralisme agama di Malaysia berkembang daripada pengaruh liberalisme di Indonesia. Seiring dengan perkara demikian, maka muncullah isu-isu berkenaan dengan pengaruh ini seperti isu Perancangan penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (Inter Faith Commission-IFC), artikel 11, kebebasan beragama (*Religious freedom*), isu kontroversi kalimah Allah dan lain-lain seumpamanya. Bertambah hangat dalam kemunculan pluralisme agama di Malaysia ialah berkenaan dengan penerimaan dan penolakan para sarjana dalam konsep pluralisme agama. Pada Mac 2010, ucapan Anwar Ibrahim yang bertajuk ‘Religion Pluralism in a divided world’ menjadi tumpuan apabila beliau dikaitkan dengan mendokong fahaman pluralisme agama dalam ucapannya itu.

Bertitiktolak daripada ini maka wacana-wacana yang membincangkan isu pluralisme telah diadakan, antaranya ialah beberapa siri wacana yang dianjurkan oleh Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (Muafakat) dengan kerjasama beberapa agensi, antaranya ialah ‘Wacana fahaman Pluralisme Agama dan implikasinya terhadap masyarakat Islam’ pada 1 Mei 2010, ‘Wacana Pemikiran dan Pembinaan Ummah 2 Peringkat Kebangsaan dengan tema Gerakan Pluralisme agama dan pemurtadan Ummah’ pada 14 Disember 2010.

Faktor-faktor Pengaruh Penyebaran Pluralisme Agama

Perkembangan pluralisme agama di Malaysia didasari oleh perkembangan aliran liberalisme di Indonesia secara langsung walaupun terdapat beberapa perbezaan antara duanya (Mohd Nizam Mahshar 2012). Terdapat beberapa faktor-faktor penting yang menyebabkan tersebarnya pluralisme agama di Malaysia. Antara faktor-faktor berikut ialah:

Penyebaran Melalui Media Massa

Media massa merupakan ejen teknologi yang penting dalam menyampaikan informasi kepada masyarakat. Antara media massa tersebut ialah media cetak (akhbar, majalah, buku dan sebagainya) dan media elektronik (televisyen, radio dan internet) (Sohana Abdul Hamid 2016). Penyebaran pluralisme agama di Malaysia juga tidak terkecuali dari dipengaruhi oleh faktor media massa. Media massa yang terlibat antaranya, ialah:

- a. Buku: Buku-buku mengenai liberalisme dan pluralisme agama yang telah diterbitkan sama ada oleh penerbit Indonesia atau Malaysia boleh didapati antaranya ialah penulisan Nurcholish Madjid, Budhy Munawar-Rachman, Azmuyardi Azra dan beberapa tokoh lain lagi (Latifah Abdul Majid 2012). Terdapat juga penulisan yang diharamkan penyebaran antaranya ialah *Refleksi Pembaharuan Pemikiran Islam 70 tahun Harun Nasution* (1989), *Fiqh perempuan* (2001), *Fiqih Lintas Agama: Membangun masyarakat inklusif pluralis* (2004), *Islam dan Pluralisme* (2006), *Allah, Liberty and Love* (2011) atau terjemahannya *Allah, Kebebasan dan Cinta* (2012), *Breaking the silence: Voices of moderation- Islam in a Constitutional Democracy* (2015) dan lain-lain.

Selain daripada buku *Islam dan Pluralisme* (2006), yang diharamkan di Malaysia, terdapat juga beberapa buku lain yang diterbitkan dibawah terbitan Middle-Eastern Graduated Centre iaitu *Islam tunduk menyerah* (2006), *Hukum Barat pun Islam* (2006), *Kahwin campur antara Muslim dengan non-Muslim* (2006) dan lain-lain.

Terdapat juga aktiviti penterjemahan yang menterjemahkan buku-buku liberalisme-pluralisme antaranya ialah *Islam dan Pluralisme* (2006) oleh Al-Mustaqeem Mahmud Radhi, *Allah, Kebebasan dan Cinta* (2012) dari Irshad Manji, *Islam tanpa keekstremian: Berhujah untuk kebebasan* (2016) dari Mustafa Akyol dan lain-lain.

Buku-buku ini mempunyai gagasan pemikiran yang mendokong fahaman pluralisme agama. Disebabkan itu, antaranya telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Sebagai contoh, dalam buku *Islam dan Pluralisme* (2006) oleh Al-Mustaqeem Mahmud Radhi memuatkan artikel-artikel tulisan Nurcholish Madjid, Asghar Ali Engineer, John Hick dan lain-lain yang dimaklumi merupakan pendokong pluralisme agama.

- b. Majalah: Faktor seterusnya ialah melalui artikel-artikel dalam majalah, sebagai contoh Ulil Absar Abdallah dalam *Majalah Gatra* 21 Disember 2002 menyatakan bahawa: "Semua agama adalah sama. Semuanya menuju jalan kebenaran. Jadi, Islam bukan agama yang paling benar". Manakala dalam majalah *Kompas* (18 November 2002) di bawah tajuk 'Menyegarkan Kembali Pemahaman Islam' Ulil Absar menyatakan bahawa

(Mohammad Ariffin 2006): “Dengan tanpa rasa segan dan malu saya mengatakan bahwa semua agama adalah tepat berada pada jalan seperti itu, jalan panjang menuju Yang Maha Benar. Semua agama, dengan demikian, adalah benar, dengan variasi, tingkat dan kadar kedalaman yang berbeza-beza dalam menghayati jalan keagamaan itu. Semua agama ada dalam satu keluarga besar yang sama: yaitu keluarga pencinta jalan menuju kebenaran yang tak pernah ada hujungnya. Artikel-artikel ini merupakan artikel dalam majalah tebitan Indonesia. Golongan liberalisme atau pluralisme di Malaysia setakat kajian ini belum memuatkan artikel-artikel mereka dalam majalah-majalah terbitan tempatan.

- c. Akhbar: Terdapat beberapa artikel berita di akhbar yang ditulis oleh golongan ini, antaranya ialah dari Zainah Anwar (2007) di *New Straits Times* dengan tajuk ‘Mediation the wiser path to take’, Hashim Kamali (2011) di *New Straits Times* dengan tajuk ‘Islam’s religious pluralism in context’ serta Chandra Muzaffar dengan dua artikel yang dimuatkan dalam *The Star* iaitu ‘What pluralism means to Islam’ (2006) dan ‘Understanding liberalism and religious pluralism’ (2014). Serta beberapa artikel lain lagi dari tokoh-tokoh yang mendokong fahaman pluralisme agama.

Artikel-artikel ini memuatkan pandangan peribadi penulis-penulisnya mengenai isu-isu pluralisme agama yang berlaku dalam masyarakat Malaysia, sebagai contoh Chandra Muzaffar (2017) menyuarakan pandangannya mengenai fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) terhadap SIS yang dianggap menimbulkan persoalan dan berlawanan dengan konsep kebebasan dalam Rukunegara.

- d. Televisyen: Faktor seterusnya ialah melalui medium televisyen, penayangan filem-filem yang mempunyai unsur pluralisme agama juga memainkan peranan sedikit sebanyak dalam faktor penyebaran. Menurut Syarifah Khairiah Syed Abu Bakar (2015) antara filem-filem yang dikesan mempunyai unsur-unsur pluralisme agama antaranya ialah:

- i. *The life of PI*
- ii. *My Name is Khan*
- iii. *Tanda Tanya*
- iv. *Sepet*
- v. *Gubra*
- vi. *Muallaf*

Filem Sepet, Gubra dan Muallaf merupakan filem arahan allahyarhamah Yasmin Ahmad dari Malaysia. Filem ini telah menimbulkan polemik dalam masyarakat Malaysia, daripada kalangan karyawan dan agamawan. Faisal Tehrani (2009) dan Syarifah Khairiah Syed Abu Bakar (2015) mengatakan bahawa dalam babak-babak filem Yasmin Ahmad ini, mempunyai agenda ideologi sekularisme, liberalisme dan pluralisme secara tidak langsung. Ianya disembunyikan dengan babak-babak nilai-nilai kemanusiaan seperti kasih sayang, pemaaf, baik hati dan toleransi antara agama.

- e. Internet: Medium internet merupakan medium terpantas dalam teknologi informasi dan komunikasi di era globalisasi ini. Masyarakat mudah untuk akses maklumat-maklumat melalui internet tanpa batasan jarak, masa dan negara. Sepantas kilat segala maklumat senang diperolehi. Melalui laman sesawang internet, golongan pluralisme agama menyebarkannya melalui laman web seperti <http://islamlib.com> dan email

Islib@yahoo.com. Dalam laman web ini, terdapat ruangan artikel, soal-jawab, perbincangan dan sebagainya. Sekiranya ingin mendapatkan penjelasan yang lebih, masyarakat boleh menghantar persoalan melalui email yang disediakan.

Medium internet yang digunakan di Malaysia untuk mempromosikan fahaman ini ialah melalui laman web, facebook dan juga Instagram. Sebagai contoh, Sisters in Islam mempromosikannya di laman web www.sistersinislam.org.my, Facebook di <https://www.facebook.com/officialSIS/> dan Instagram di <https://www.instagram.com/sistersinislam.my/>. Melalui laman web, Facebook dan Instagram ini, segala maklumat mengenai SIS dapat diperolehi seperti maklumat organisasi, aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan, dan juga penerbitan. NGO ini memuatkan beberapa artikel mengenai isu-isu yang berlaku dalam masyarakat Malaysia, antaranya seperti isu hak wanita, isu kontroversi filem Sepet dan Gubra dan lain-lain.

Selain daripada itu terdapat juga blog (Mohd Nizam Mahshar 2012) dan berita online (Muhammad bin Mohd Zin@Zakaria 2017) yang mempromosikan liberalisme dan pluralisme agama ini antaranya ialah Malaysiakini, The Malay Mail Online, Malaysian Insider, Malaysia Today, Free Malaysia Today dan lain-lain dengan memuatnaik artikel-artikel di dalamnya mengenai Islam menurut pandangan mereka. Sebagai contoh, Faisal Tehrani dengan artikelnya ‘Tahfiz, jalan pendek ke sorga’ yang dimuatkan dalam portal Malaysiakini dan Karim Raslan dalam Sinar Harian dengan artikelnya ‘Isu kalimah Allah terus berlanjutan’.

Penyebaran Melalui Kursus Kepimpinan dan Pengurusan

Kursus kepimpinan dan pengurusan yang asalnya dikesan mempunyai elemen-elemen pluralisme agama di dalamnya ialah kursus *Emotional Spiritual Quotient* (ESQ) yang diperkenalkan oleh Ary Ginanjar Agustian. Kursus kepimpinan dan pengurusan ESQ merupakan kursus di bawah syarikat ESQ Leadership Centre yang berpusat di Jakarta. Kursus ESQ ini telah tersebar di Malaysia melalui penubuhan beberapa pusat pengajarannya.

Mufti Wilayah Persekutuan pada masa itu, iaitu Wan Zahidi bin Wan Teh telah mewartakan ESQ haram pada 17hb Jun 2010. Pengharaman tersebut berlaku kerana terdapat 10 ciri-ciri penyelewengan dalam kursus tersebut, dan antara salah satu ciri penyelewengan tersebut ialah mempunyai fahaman yang bersandarkan kepada liberalisme dan pluralisme.

Pada tahun 2010, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal ugama Islam Malaysia telah melakukan semakan kepada kursus ini dan Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Kursus ESQ *Leadership Training* boleh dilaksanakan di Malaysia tetapi bersyarat, iaitu dengan pengawasan sepenuhnya oleh Panel Syariah yang dilantik oleh ESQ (Jawatankuasa Kebajikan Islam Malaysia 2016: 32-33).

Penyebaran Melalui Ajaran Keagamaan

Faktor penyebaran pluralisme agama yang seterusnya ialah melalui ajaran-ajaran keagamaan yang telah difatwakan sesat. Antara ajaran-ajaran keagamaan ini ialah ajaran ‘Ayah Pin’ (Ariffin Muhammad) atau yang dikenali juga dengan kerajaan langit Ayah Pin. Ajaran ini diasaskan oleh Ariffin Muhammad di Hulu Besut, Terengganu.

Marzuki (2009); Ismail Mina Ahmad (2012); Latifah Abdul Majid et al. (2012) mengatakan Ayah Pin telah memperkenalkan ajaran yang mempromosikan semua agama mempunyai kebenaran yang sama dan setiap orang berhak untuk mengamalkan agama dengan apa jua cara yang mereka suka.

Kerajaan Negeri Terengganu telah mewartakan fatwa ajaran Ayah Pin adalah sesat, menyeleweng dan membawa kepada rosaknya akidah pada 4 Disember 1997 (Ruj MB.TR (s)16/72 Bhg. 4; PUN). Manakala, kerajaan negeri Perak pula turut mewartakan fatwa ajaran Ayah Pin pada 30 Januari 2007 (Ruj MPNK: A351 1ST/01/7(72); PU.Pk. 07/2001).

Penyebaran Melalui Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO)

Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) yang memainkan peranan dalam penyebaran pluralisme agama antaranya ialah melalui Malaysian Interfaith Network (MIN). MIN mempunyai 20 badan gabungan termasuk Konrad Adenauer Foundation (KAF), Institut Kajian Dasar (IKD), Sister in Islam (SIS), Malaysian Consultative Council of Budhism, Christianity, Hinduism and Sikhs (MCCBCHS), Council of Curches of Malaysia, Rotary Club dan lain-lain. NGO di dalam MIN banyak menyokong kepada penyebaran pluralisme agama di Malaysia.

Sebagai contoh, Yayasan Konrad Adenauer Stiftung telah membiayai Persidangan Kebangsaan “Towards the Formation of the Interfaith Commission of Malaysia” yang diadakan pada 24-25 Februari 2005 di Bangi. Manakala pada 2007, Konrad Adenauer Stiftung (Singapura) dengan kerjasama Malaysian Association for American Studies (MAAS) telah menerbitkan buku *Religious Pluralism in democratic societies: Challenges and prospects for Southeast Asia, Europe, and the United States in the new millennium* (2007). Buku ini sebenarnya merupakan koleksi kertas kerja yang dibentangkan di Seminar ‘MAAS International conferences on religious pluralism in Democratic Societies’ di Kuala Lumpur pada 20-21 Ogos 2002.

Selain daripada itu juga, IKD turut memainkan peranan dalam mempromosikan pluralisme agama. Melalui IKD, lahirnya badan pemikir muda intelek, antaranya ialah Komuniti Jalan Telawi, Unit Pemikiran Politik IKD, Pusat Lepas Pelajar Timur Tengah (*Middle Eastern Graduate Centre*) dan *Open Dialogue Centre* (Mohd Nizam Mahshar 2012). Melalui kerjasama dengan badan-badan ini, pelbagai ceramah, seminar, bengkel dan lain-lain telah dijalankan.

Penyebaran Melalui Tokoh-tokoh Berfahaman Liberalisme atau Pluralisme

Penyebaran melalui tokoh-tokoh yang berfahaman liberalisme atau pluralisme, antaranya ialah tokoh-tokoh dari luar dan juga dari Malaysia sendiri. Tokoh Malaysia antaranya ialah Dato’ Sri Anwar Ibrahim yang telah menyampaikan ceramahnya yang bertajuk ‘Religion Pluralism in a divided world’ di London School of Economics (Mohd Nakhaie Ahmad 2012, Ismail Mina Ahmad 2012, Muhammad Uthman el Muhammady 2012).

Tokoh-tokoh luar yang dijemput ke Malaysia antaranya ialah Irshad Manji yang telah melancarkan bukunya *Allah, Liberty and love* (2011) di Dewan perhimpunan Cina Selangor

dan Kuala Lumpur pada 2016. Selain dari fahaman liberalisme dan pluralisme, penulis ini juga turut mempromosi homoseksualiti. Buku ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan tajuk *Allah, Kebebasan dan Cinta* (2012). Kedua-dua buku ini telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) kerana bertentangan dengan akidah Islam.

Manakala pada tahun 2017, Mustafa Akyol telah dijemput oleh Islamic Renaissance Front (IRF) untuk menyampaikan ceramahnya di Malaysia. Akyol merupakan penulis buku *Islam without extremes: A Muslim case for liberty* (2011), terjemahan bahasa Melayunya ialah *Islam tanpa keekstreman: Berhujah untuk kebebasan* (2016). Buku ini juga turut diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Faktor-faktor di atas merupakan antara penyebab pluralisme agama dapat berkembang di Malaysia. Selain daripada faktor-faktor di atas, terdapat juga faktor tidak langsung dalam perkembangan pluralisme agama. Faktor tidak langsung antaranya ialah kerjasama dengan individu atau organisasi yang menyokong kepada perjuangan golongan pluralisme agama sama ada di dalam Malaysia atau luar negara. Sebagai contoh, kerjasama dengan organisasi dalam Malaysia seperti SUARAM, AWAM, COMANGO dan lain-lain. Manakala jaringan kerjasama luar negara melalui Southeast Asian Muslim for Freedom and Enlightenment (SEAMUS). SEAMUS terdiri daripada aktivis muslim dan pemikir yang berpaksi pembaharuan (*reform*) dari Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand (Mohd Nizam Mahshar 2012).

Selain daripada itu, kerjasama melalui individu-individu yang berfahaman selain daripada liberalisme-pluralisme tetapi mempunyai matlamat dan aspirasi yang sama, antaranya ialah seperti Zaid Ibrahim, Malik Imtiaz Sarwar, Kassim Ahmad dan lain-lain tokoh lagi. Kedua-dua faktor secara langsung dan tidak langsung ini memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi perkembangan pluralisme agama di Malaysia.

Kesimpulan

Faktor-faktor pengaruh penyebaran pluralisme agama di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu faktor secara langsung dan tidak langsung. Faktor secara langsung ialah dipengaruhi oleh gerakan liberalisme di Indonesia. Pengaruh ini dapat dilihat melalui faktor penyebaran melalui media massa seperti buku-buku, majalah, akhbar, televisyen dan internet. Faktor kedua ialah amelalui penyebaran melalui kursus kepimpinan dan pengurusan iaitu *Emotional Spiritual Quotient* (ESQ), faktor ketiga melalui ajaran keagamaan, faktor ke empat melalui Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dan faktor teakhir ialah pengaruh melalui tokoh-tokoh berfahaman liberalisme atau Pluralisme.

Faktor penggunaan teknologi maklumat seperti internet merupakan faktor penting dalam penyebaran pluralisme agama di Malaysia. Bukan setakat di Malaysia, tetapi juga seluruh dunia maklumat dapat diperolehi dengan mudah dalam dunia globalisasi. Pada zaman sekarang, hampir semua masyarakat mempunyai telefon pintar. Maklumat-maklumat tentang pluralisme agama dan lain-lain boleh diperolehi di hujung jari sahaja seperti aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan, telah dijalankan dan seumpama engannya.

Faktor tidak langsung pula ialah jaringan kerjasama dengan individu dan juga organisasi-organisasi di dalam Malaysia juga peringkat Asia atau antarabangsa. Walaupun individu dan organisasi ini tidak menyebarkan fahaman pluralisme agama secara langsung tetapi turut mempromosikan fahaman ini. Sebagai contoh individu atau organisasi yang memperjuangkan

hak asasi manusia, hak wanita, hak kanak-kanak dan juga golongan anti Hadis. Melalui individu dan organisasi ini perkembangan pluralisme agama bertambah pesat dengan adanya sokongan daripada kedua-dua pihak ini.

Pihak kerajaan serta masyarakat Islam di Malaysia seharusnya mengawasi pergerakan kumpulan-kumpulan atau aliran-aliran yang mempromosikan ajaran atau matlamat yang bertentangan dengan agama Islam sepanjang masa. Bukan hanya peka ketika isu atau perkara tersebut menjadi hangat dalam topik-topik berita atau perbualan sahaja.

Rujukan

- Anon. 2015. Permohonan semakan kehakiman oleh SIS terhadap MAIS didengar 12 November. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/node/88414> (10 Januari 2018).
- Anwar Ibrahim. 2010. <https://blogtraditionalislam.files.wordpress.com/2010/04/public-lecture-by-anwar-ibrahim-at-the-london-school-of-economics1.pdf> (22 Jun 2018)
- Azizan Baharuddin. 2018. Islam liberalisasi: Isu, ancaman, cabaran dan usaha membendungnya-pengalaman Malaysia. www.mabims.gov.bn (25 Februari 2019).
- Chandra Muzaffar. 2006. What pluralism means to Islam. [Http://www.thestar.com.my/opinion/letters/2006/06/18/what-pluralism-means-to-islam](http://www.thestar.com.my/opinion/letters/2006/06/18/what-pluralism-means-to-islam).
- Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh & Nur Farhana Abd Rahman. 2018. Perkembangan awal pluralisme agama di Malaysia. *Online Proceeding 3rd International Seminar On Islamic Thought (ISoIT3):Islam Rahmatan lil 'alamin (Mercy to the world)*.
- Faisal Tehrani. 2009. Lina Joy dalam Gubra?. Dlm. Riduan Mohamad Nor & Ahmad Adnan. Fadhil. *Siri serangan pemikiran: Islam liberal dan Pluralisme agama*. Hlm 93-109. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Fatwa berkenaan kursus ESQ Leadership Training dan fahaman yang seumpama dengannya. 2010. <http://efatwa.muftiwp.gov.my/> (13 Januari 2019).
- Fatwa liberalisme dan pluralisme (http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi_fatwa/2014/Sel.p.u.28_fatwa_pemikiran Liberalisme_dan_Pluralisme_agama.pdf (21 April 2017).
- Kamali, Hashim. 2011. https://www.academia.edu/12074530/Islam_s_Religious_Pluralism_in_Context (29 July 2015)
- Khalif Muammar A. Harris. 2015. *Islam dan Pluralisme agama: Memperkuat tawhid di zaman kekeliruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latifah Abdul Majid, Mazlan Ibrahim, Muhd Najib Abd Kadir, Jaafary Awang, Fadlan Mohd Othman, Azalina Tatar dan Aizuddin Hakim Mohd Yusof. 2012. Ancaman inklusifisme agama terhadap akidah Islamiyyah. Dlm Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Fadlan Mohd Othman. *Islam liberal: Isu dan reaksi*. Hlm 17-34. Selangor: Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Selangor.
- Marzuki Mohamad. 2009. Manifestasi Islam liberal di Malaysia: Dimensi politik dan undang-undang. Dlm. Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor (pngr.). *Islam liberal: Isu dan cabaran*. Hlm 157-176. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia.

- Mohamed Fauzi Yaacob. 2011. The Challenge of religious pluralism in Malaysia. http://www.iop.or.jp/Documents/1121/Journal21_Yaacob.pdf (21 Julai 2016).
- Mohammad Ariffin Ismail. 2006. *Cabaran akidah: Pemikiran Islam Liberal*. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Mohd. Asri Zainul Abidin. 2014. Pluralisme agama. <Https.www.facebook.com/DrMAZA/posts/10152893486567990> (11 Mac 2017).
- Mohd Farid Mohd Shahran (2014). Islam dan pluralisme agama: Isu-isu akidah semasa. Dlm Mohd Farid Mohd Shahran (pnyt). *Pluralisme agama: Satu penelitian Islami*. Hlm 43-73. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM
- Mohd Farid Mohd Sharif. (2012). *Maaf... Tuhan kita tidak sama: mengulas isu interaksi agama di Malaysia*. Kedah: Bitara Media.
- Mohd Nizam Mahshar. 2012. Perselingkuhan Islam Liberal dan Barat: Pasca 911 Pemetaan, Faham dan Strategi dalam Mendepani Arsu Liberal Islam (PUM). Dlm Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Fadlan Mohd Othman. *Islam liberal: Isu dan reaksi*. Hlm 17-34. Selangor: Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Selangor.
- Muhammad Rashidi Wahab. 2017. Pemikiran liberalisme dalam wacana agama dan ancamannya di Malaysia. Kerta kerja Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke-9. Anjuran MUAFAKAT, JAKIM, MAIWP. Putrajaya, 17 Januari.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. 2012. Beberapa isu dalam pluralisme agama-Satu pengamatan ringkas. Dlm. *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, hlm 119-138. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.
- Muhammad Mohd Zin@Zakaria. 2017. Penyebaran Fahaman Liberalisme dalam Portal Berita Online di Malaysia. Tesis Sarjanamuda, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mujahid Yusof Rawa. 2014. Islam dan Pluralisme. <Http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/islam-dan-pluralisme-1.331115> (5 Mei 2017).
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd. AnuarRamli, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal. 2011. Dialog antara agama: Realiti dan prospek di Malaysia. [Web.usm.my/km/29\(2\)2011/arts_km29-2.pdf](Web.usm.my/km/29(2)2011/arts_km29-2.pdf) (7 Mac 2018).
- Siddiq Fadzil. 2016. *Pembinaan Bangsa: Kepelbagaian dalam bingkai kesatuan*. Selangor: Institut Darul Ehsan.
- Sohana Abdul Hamid. 2016. Pengaruh Media Massa terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *Journal of Human Science and Humanities*. 13 (4): 214-226. <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/15599> (15 Januari 2019).
- Syarifah Khairiah Syed Abu Bakar. 2015. Unsur-unsur Pluralisme agama dalam filem-filem arahan Yasmin Ahmad. Tesis Master, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.